

## **WACANA DALAM BILIK DARJAH PELAJAR PINTAR DAN BERBAKAT: ANALISIS WACANA KRITIS**

### **CLASSROOM DISCOURSE OF GIFTED AND TALENTED STUDENTS: A CRITICAL ANALYSIS**

**Mariati Mokhtar<sup>1</sup>**

Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (DH44) di Pusat PERMATApintar® Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, 43600, Selangor Darul Ehsan.  
(Email: mariatimokhtar@ukm.edu.my)

**Mazliza Mohtar<sup>2</sup>**

Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (DH44) di Pusat PERMATApintar® Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, 43600, Selangor Darul Ehsan.  
(Email: mazlizamohtar@ukm.edu.my)

**Received date:** 02-05-2019

**Revised date:** 08-05-2019

**Accepted date:** 09-12-2019

**Published date:** 15-12-2019

**To cite this document:** Mokhtar, M., & Mohtar, M. (2019). Wacana dalam Bilik Darjah Pelajar Pintar dan Berbakat: Analisis Wacana Kritis. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4 (33), 183-191.

**DOI:** 10.35631/IJEPC.4330015

---

**Abstrak:** Kajian ini melihat penggunaan wacana di dalam bilik darjah bagi pelajar pintar dan berbakat yang mana proses sosial yang terselindung dalam giliran tutur, jenis soalan yang ditanya guru, kawalan wacana dan keseluruhan struktur wacana (Aman, I. & Mustafa, R. (2006). Analisis yang digunakan adalah berdasarkan kerangka teori Analisis Wacana Kritis (CDA) oleh Fairclough, N. Kebiasannya, proses komunikasi pelajar-pelajar di dalam kelas umumnya di katakan berlaku sehala sahaja. Dalam proses pengajaran, guru dikatakan akan menguasai perbualan di dalam kelas berbanding keterlibatan pelajar. Namun,, kajian ini melihat perbezaan antara jika terdapat penguasaan komunikasi antara pelajar pintar dan cerdas berbanding pelajar sekolah harian biasa. Pelajar pintar dan cerdas dikategorikan sebagai golongan pelajar yang mempunyai kelebihan dari segi ketinggian IQ, EQ dan pengetahuan kognitif yang tinggi. Sikap dan personaliti pelajar pintar dan berbakat yang pelbagai ini menjadikan kajian untuk mengkaji proses wacana di dalam bilik darjah sesuatu yang menarik. Kajian ini mengambil rakaman audio pengajaran dan pembelajaran kelas Bahasa Melayu. Hasil kajian mendapat terdapat beberapa fitur wacana dalam bilik darjah yang dapat dikenal pasti. Hal ini menunjukkan telah berlaku proses interaksi antara pelajar dan guru.

**Kata Kunci:** Pelajar Pintar Dan Berbakat, Analisis Wacana Kritis, Pembelajaran Dan Pembelajaran

**Abstract:** This study examines the use of discourse in the classroom for gifted and talented students in which social processes are obscured in turn, types of questions asked by teachers, control of discourse and overall discourse structure (Aman, I. & Mustafa, R. (2006)). The analysis used is based on the theoretical framework of Critical Discourse Analysis (CDA) by Fairclough, N. In general, the process of communicating students in the classroom is generally said to be one-way. However, this study looks at the difference between having a higher level of communication between smart and smarter students than ordinary schoolgirls. Gifted and Talented students are categorized as students with high IQ, EQ and high cognitive skills. This diverse and talented student makes learning to study the process of discourse in the classroom is interesting. This study takes an audio recording of the teaching and learning of Malay Language classes. The results show that there are several features of discourse in the classroom that can be identified. This indicates that a process of interaction between students and teachers has taken place.

**Key Word:** Gifted And Talented Students, Critical Discourse Analysis (CDA), Learning And Teaching

---

## Pengenalan

*Intellegent* daripada kamus Cambridge didefinisikan sebagai menunjukkan kecerdasan, atau dapat mempelajari dan memahami perkara dengan mudah. Karakteristik ini wujud di dalam dan personaliti pelajar berbakat dan berbakat. CCEA telah menggunakan istilah "Gifted and Talented" untuk menggambarkan pelajar-pelajar yang mencapai atau yang mempunyai potensi untuk mencapai tahap yang jauh melebihi kumpulan rakan sebaya mereka di dalam sekolah tertentu, iaitu sekolah nurseri, utama, selektif dan tidak selektif sekolah pasca sekolah rendah atau pendidikan lain (NCCA, 2018).

Pelajar pintar dan berbakat dari segi kemahiran interpersonal, mereka mempunyai kemahiran dalam interaksi dengan orang lain. Pelajar ini cenderung untuk menjadi pemimpin dan pengajur di dalam kelas (A Handbook for Teachers, 2013). Definisi itu membuat mereka sentiasa berminat untuk berinteraksi dengan rakan-rakan di kelas dan guru serta semasa pembelajaran dan mengajar. Mereka suka berkongsi dan bertanya sesuatu perkara dalam fikiran mereka. Pelajar yang berbakat dan berbakat juga mempunyai sikap suka menyiasat yang membuat mereka suka berfikir. Kanak-kanak berbakat ialah kanak-kanak yang mempunyai keupayaan mereka jauh melebihi norma untuk umur mereka. (National Association for Gifted Children, 2018).

Pelajar pintar dan berbakat ini dikatakan mempunyai kelebihan atau lebih dominan dari segi intelektual, kreatif, artistik, kepimpinan, atau dalam bidang akademik tertentu seperti seni bahasa, matematik atau sains. (National Association for Gifted Children, 2018). Pelajar pintar dan berbakat juga tahu bagaimana menggunakan kemahiran komunikasi yang berkesan. Dari segi keupayaan linguistik, mereka boleh menggunakan bahasa untuk memujuk dan memproses maklumat (NCCA, 2018). Selari dengan ciri-ciri pelajar pintar dan berbakat ini, maka proses pengajaran dan pembelajaran perlu dijalankan dengan menggalakan kemahiran seseorang pelajar. Hal ini bertepatan dengan pernyataan (Rahman, A. (2001) iaitu proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sewajarnya meningkatkan kecekapan berbahasa dan ketepatan berkomunikasi dalam kalangan pelajar.

## **PERMATApintar National Gifted Centre (Pusat PERMATApintar) Malaysia**

Di dunia ini, dianggarkan sebanyak 52 jumlah program pintar dan berbakat di seluruh dunia merangkumi Asia, Eropah, Afrika, Utara Amerika, dan lain-lain. Program pintar dan berbakat ini dijayakan dalam persekitaran sekolah, institusi program latihan dan pusat konsultan ([https://en.wikipedia.org/wiki/List\\_of\\_gifted\\_and\\_talented\\_programme](https://en.wikipedia.org/wiki/List_of_gifted_and_talented_programme), 2018). Di Malaysia, Pusat PERMATApintar® Negara, UKM merupakan satu-satunya pusat pengumpulan pelajar pintar dan berbakat mewakili seluruh negeri. Pusat PERMATApintar® Negara dinaungi oleh isteri Perdana Menteri Malaysia iaitu Datin Seri Paduka Rosmah Mansor. Kerja-kerja asas mengumpul maklumat dan meninjau program pelajar pintar dan berbakat luar negara telah dilakukan sendiri oleh Datin Seri Paduka Rosmah Mansor dan dibantu oleh YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Dr Sharifah Habsah Syed Shahabuddin. YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Dr Sharifah Habsah Syed Shahabuddin merupakan Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia pada masa itu. Mereka dan beberapa pegawai UKM telah melawat beberapa tempat untuk mendapatkan gambaran lebih lanjut tentang bagaimana pendidikan pelajar pintar dan berbakat dijalankan di luar negara. Kesinambungan daripada lawatan tersebut, satu kertas kerja mengenai penubuhan Pusat PERMATApintar® Negara telah dibentangkan oleh YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Dr Sharifah Habsah Syed Shahabuddin kepada YAB Dato' Sri Haji Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak (yang merupakan Timbalan Perdana Menteri ketika itu). (Ishak, M. N et.al, 2009)

Hasil perbincangan, tertubuhnya Pusat PERMATApintar® Negara pada tahun 2011 dengan beberapa unit di yang mana salah satunya iaitu Kolej PERMATApintar UKM iaitu projek sekolah PERMATApintar untuk pelajar berusia 13 hingga 17 tahun. (Ishak, M. N et.al) (2009). Kaedah pengajarannya di Kolej PERMATApintar® lebih tertumpu kepada pembelajaran berbentuk '*differentiated learning*'. Pelajar-pelajar belajar mengikut kemampuan diri sendiri dengan dibantu oleh guru pakar yang memang mahir dalam setiap bidang yang diajar. Pembelajaran dan pengajaran di Pusat PERMATApintar Negara juga menggunakan kaedah pengajaran berdasarkan penerapan '*Bloom Taxonomy*' yang melibatkan pernyataan berfikir aras lebih tinggi dengan mengaplikasi konsep analisis, penilaian, konsep, proses, prosedur dan prinsip berbanding sekadar mengingat sahaja. (Athanassiou, N et. at (2003)

### **Permasalahan Kajian**

Kajian ini bertitik tolak daripada keterlibatan pelajar untuk berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu di dalam bilik darjah. menurut Norizan et. al (2006), pendidikan bahasa amat penting kerana tanpa penguasaan bahasa maka ilmu yang ditimba tidak dapat difahami dengan sebaiknya. Huraian Sukatan Pelajaran bahasa Malaysia menekankan antara salah satu teras organisasi kurikulum dalam bahasa Melayu ialah salah satunya memastikan pelajar menguasai kemahiran bahasa meliputi kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. (Azizul Rahman bin Abdul Rahman, 2010). Malahan di dalam komponen subjek bahasa Melayu (Sijil Pelajaran Malaysia) terdapat komponen Ujian Lisan Berasaskan Sekolah (ULBS) yang mana memerlukan pelajar untuk bertutur dan berkomunikasi. Justeru, kajian ini dijalankan berdasarkan permasalahan berikut:

- a) Apakah proses komunikasi yang berlaku antara guru dan pelajar di dalam kelas pintar cerdas dan berbakat?
- b) Bagaimana proses komunikasi tersebut dianalisis menggunakan kerangka teori Analisis Kritis oleh Fairclough?

## **Objektif Kajian**

Kajian ini dilakukan berdasarkan beberapa matlamat berikut:

1. Melihat proses komunikasi yang berlaku antara guru dan pelajar di dalam kelas pintar cerdas dan berbakat.
2. Menganalisis proses komunikasi di dalam kelas menggunakan kerangka teori Analisis Kritis oleh Fairclough

## **Kajian Lepas**

Kajian mengenai wacana bilik darjah telah dijalankan oleh beberapa pengkaji. Antaranya ialah kajian yang dijalankan oleh Mahmud, M.(2017). Kajiannya melihat stail komunikasi pelajar di dalam kelas bagi subjek bahasa Inggeris untuk kelompok mahasiswa/mahasiswi di Universiti Makassar. Kajian ini dianalisis menggunakan sistem Brown's FLINT. Dapatkan kajian mendapati, pelajar dilihat cenderung menggunakan pelbagai stail komunikasi di dalam kelas. Antara stail komunikasi yang dapat dikenal pasti ialah lakuan ujaran, penanda wacana, pemilihan bahasa, cara sapaan dan beberapa unsur dialek yang mempunyai pengaruh Bugis-Makassar.

Kajian seterusnya mengenai wacana di dalam bilik darjah ialah yang dijalankan oleh Aman, I. dan Mustafa, R (2006). Kajiannya yang bertajuk *Classroom Discourse of Malay Language Lesson: A Critical Analysis* telah melihat proses sosial dan dominasi guru di dalam kelas. Dapatkan kajian mendapati dominasi guru berlaku semasa giliran berujar, jenis soalan yang ditanya oleh guru dan keseluruhan wacana dalam kelas. Kajian yang dijalankan mereka adalah berdasarkan pemerhatian mereka terhadap 10 buah kelas subjek bahasa Melayu. Guru lebih menguasai situasi komunikasi di dalam kelas berbanding pelajar yang hanya duduk dan mendengar guru berujar.

Seterusnya, kajian wacana di dalam bilik darjah telah dijalankan oleh Chen. Y dan He. A. W (2001). Kajian ini melihat penanda pragmatik *dui bui dui* dalam kelas bahasa Cina pelajar. *Dui bui dui* adalah penanda wacana untuk menandakan peralihan urutan interaksi pada tahap yang berbeza dari wacana dan untuk membantu penceramah menarik perhatian penerima dalam kegiatan yang diberikan. Dalam kajian ini, mereka telah mengkaji semula penggunaan dan fungsi *dui bui dui* dengan memeriksa data interaksi yang semulajadi di dalam bilik darjah Cina. Kajian ini menyumbang kepada pandangan bahawa tafsiran fungsi sintaksis struktur seperti *dui bui dui* perlu mengambil kira bukan sahaja maklumat tatabahasa, tetapi juga maklumat interaksi yang terkandung dalam bentuk lisan dan tulisan. Jika kajian Aman I. dan Mustafa. R (2006) melihat wacana di dalam kelas yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar di sekolah menengah biasa, kajian ini adalah kajian yang berlainan kerana kajian ini akan dijalankan dengan melihat wacana dalam bilik darjah melibatkan pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar pintar dan berbakat.

## **Metodogi Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah rakaman dalam pembelajaran dan pengajaran kelas bahasa Melayu selama 40 minit. Rakaman ini melibatkan penglibatan pelajar pintar cerdas dan berbakat seramai 17 orang. Usia pelajar ialah dalam lingkungan usia 11-13 tahun. Manakala topik yang diajar ialah topik mengenai bahasa Melayu Kuno. Kajian berbentuk kualitatif ini dengan melihat analisis wacana di dalam kelas berdasarkan kerangka Analisis Wacana Kritikal (CDA) oleh Fairclough (1995). Kajian ini juga menggunakan fitur analisis tekstual yang dibentuk oleh Aman I dan Mustafa. R (2006) iaitu a) Dominasi Giliran Berujar b)

Kawalan Topik c) Penggunaan soalan tertutup d) Jawapan yang dapat direka bentuk serta e) Celahan guru dalam jawapan pelajar. Walau bagaimanapun, tidak kesemua fitur analisis teksual yang dijumpai dalam data, maka kajian ini akan mengaplikasi beberapa istilah mengikut kesesuaian data.

### **Kerangka Teori : Analisis Wacana Kritis oleh Fairclough**

Fairclough, N. (1995) menyatakan wacana merupakan praktik sosial. Fairclough membahagikan analisis wacana dalam tiga dimensi iaitu teks, praktis wacana dan praktis sosial. Teks adalah berkaitan linguistik misalnya melihat kosa kata, semantik, kalimat, koherens, kohesi dan membentuk maksud. Manakala praktis wacana ialah berkaitan dengan pola kerja, bagan dan rutin menghasilkan berita. Manakala praktis sosial ialah dimensi yang berhubungan dengan konteks luar teks, misalnya konteks situasi atau konteks dari media dalam hubungannya dengan masyarakat atau budaya politik tertentu. Maka menurut Badara, A. (2012) menyatakan bahawa analisis wacana bersifat kritis iaitu kajian secara mendalam yang berusaha mengungkap kegiatan, pandangan dan identiti berdasarkan bahasa yang digunakan dalam wacana. Analisis wacana yang menggunakan pendekatan kritis memperlihatkan kepaduan a) analisis teks b) analisis proses, konsumen produksi, distribusi teks serta c) analisis sosiokultural yang berkembang sekitar wacana itu. Wacana dilihat sebagai praktis sosial menyebabkan semua hubungan dialektis di antara peristiwa wacana tertentu dan situasi, institusi, dan struktur sosial bentuknya.

### **Perbincangan Analisis Dapatan**

Daripada analisis yang dijalankan, mendapati pelajar pintar cerdas dan berbakat tidak mempunyai masalah atau kesukaran untuk berkomunikasi sepanjang sesi pembelajaran dan pengajaran sedang dijalankan. Keupayaan di sini bermaksud pelajar pintar dan berbakat tidak kekok berkomunikasi sepanjang proses pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas. Berdasarkan analisis data, terdapat beberapa jenis analisis wacana teksual yang dapat dikenal pasti sepanjang pemerhatian di dalam kelas. Antaranya ialah a) Giliran Berujar antara Guru dan Pelajar b) Kawalan Topik dan c) Pengulangan pernyataan oleh Guru dan Pelajar.

#### ***Giliran Berujar antara Guru dan Pelajar***

Daripada analisis data yang dilakukan, sistem giliran berujar dan berkomunikasi antara guru dan pelajar dapat dilihat. Hal ini kerana pelajar boleh menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru. Analisis ini dapat dilihat pada ujaran (1) (2) dan (3)

(1)	
Guru	: Bahasa pertama dijumpai ada pendapat mengatakan masa itu bahasa Melayu sebagai <i>Lingua Franca</i> . Apa dimaksudkan dengan <i>Lingua Franca</i> ?
Pelajar	: Bahasa luas digunakan, bahasa pengantar, bahasa antarabangsa, bahasa pentadbiran
Pelajar:	Bahasa Ilmu, bahasa pertama, bahasa ibunda
-----	-----
(2)	
Guru	: Mengapa bahasa Melayu mudah menerima pengaruh bahasa asing
Pelajar	: Bahasa Melayu <i>fleksibel</i> , bahasa Melayu senang diingati, mudah dipelajari
-----	-----
(3)	
Guru	: Mungkinkah bahasa Inggeris ada pengaruh Sanskrit?
Pelajar	: Bukan bahasa Sanskrit, dia ada pengaruh <i>Eutopia</i> yang paling atas sekali untuk bahasa Eropah, yang dipanggil <i>Proto-European</i> .
-----	-----

Berdasarkan analisis ujaran (1) (2) dan (3), pelajar pintar cerdas dan berbakat boleh menjawab persoalan yang dikemukakan oleh guru di dalam kelas berkaitan topik bahasa. Pelajar pintar dan berbakat ini yakin ketika menyatakan serta menjelaskan idea yang telah difikirkannya. Hal ini bertepatan dengan konsep pelajar pintar cerdas dan berbakat sebagai seorang yang dijelaskan oleh Alias. A dan Yamat. H (2009). Pelajar pintar dan berbakat ini dilihat mempunyai kebolehan dalam aktiviti memperkasakan sistem bahasa dari sudut kemahiran komunikasi. (Rahman, A. (2010).

### ***Kawalan Topik***

Dalam konteks ini, pelajar pintar dan berbakat dilihat mempunyai kebolehan dalam mengawal topik tentang sesuatu isu. Hal ini dapat dilihat dalam ujaran (4) (5) dan (6) di bawah

---

(4)

- Guru: Jika sesebuah negara inginkan penguasaan bahasanya, negara tersebut perlu menguasai ekonomi dunia. Menurut ramalan 2030, negara China akan menguasai ekonomi. Sekarang ini ekonomi dikuasai oleh negara Amerika Syarikat.
- Pelajar: Betul cikgu, nombor tiga menguasai ekonomi dunia sekarang Jepun. Nombor empat Korea.
- 

(5)

- Guru: Apakah batu bersurat?
- Pelajar: Batu bersurat ini merupakan bahan bersurat daripada pemerintahan kerajaan Srivijaya di Pulau Jawa. Terdapat empat batu bersurat yang dijumpai menggunakan tulisan palava.
- 

(6)

- Guru: Ejaan linguistik yang betul adalah mengikut ejaan fonetik, iaitu menggunakan tulisan IPA. Apakah tulisan IPA?
- Pelajar: International Phonetics Alphabet (IPA)
- Guru: Ya,betul

Berdasarkan analisis ayat (4) dapat dilihat pelajar mampu mencirikan pengetahuan yang dimiliki oleh pelajar bukan sahaja mengenai topik tersebut, malahan menjangkaui subjek. Misalnya pelajar pintar dan berbakat ini tahu tentang isu ekonomi dunia. Hal ini bertepatan dengan ciri pelajar pintar dan berbakat harus membaca melangkaui subjek sedia ada. (*Teaching Students Who Are Gifted & Talented*, 2013). Pelajar dalam ujaran (5) pula dilihat boleh menguasai maksud batu bersurat dan menerangkannya di dalam kelas. Manakala ujaran (6) menunjukkan pelajar tahu lebih awal mengenai silibus yang belum diajar. Topik yang disebut dalam ujaran (6) akan diajar pada semester berikutnya.

### ***Pengulangan Pernyataan***

Semasa sesi pengajaran dan pembelajaran, process mengulangi pernyataan antara guru-pelajar dan pelajara- guru telah berlaku. Hal ini dapat dilihat dalam ujaran ke (7) hingga ujaran ke (12) di bawah:

### ***Pengulangan Pernyataan Guru – Pelajar***

Pengulangan pernyataan guru-pelajar dimaksudkan dengan guru mengulang semula pernyataan / jawapan yang telah diberikan di dalam kelas. Pengulangan ujaran ini dapat

dilihat pada ujaran (7) (8) dan (9) di bawah. Ujaran yang dihitamkan di bawah menunjukkan pengulangan oleh guru.

(7)

Guru: Teori tentang bahasa Melayu, manakah asal-usul bahasa Melayu? Asia?  
Pelajar: Tengah  
Guru: **Ha. Tengah.**

---

(8)

Guru: Bahasa Sanskrit biasanya dikaitkan dengan negeri atau kerajaan?  
Pelajar: India  
Guru: **India atau Kerajaan Hindu**

---

(9)

Guru: Mengapa batu bersurat dianggap sumber bukti yang penting.  
Pelajar: Beri maklumat penting pada masa itu  
Pelajar: Bukti  
Pelajar: Masa dulu tak ada kertas  
Guru: **Dulu tak ada kertas.** Betul. Lagi sebab catatan tak akan luntur kalau lukis kat batu. Kalau lukis kat pasir?..  
Pelajar: Habis hilang.  
Guru: Ombak masuk.

---

### **Pengulangan Pernyataan Pelajar – Guru**

Pengulangan pernyataan pelajar-guru pula ialah pelajar pemkulang pernyataan guru semasa pengajaran. Proses ini berlaku menunjukkan pelajar pintar dan berbakat tidak kisah untuk berujar di dalam kelas meskipun mereka cuma mengulangi pernyataan guru, namun ini menunjukkan suasana persekitaran yang melibatkan komunikasi tetap berlaku di dalam kelas. Pengulangan ujaran ini dapat dilihat pada ujaran (10) (11) dan (12) di bawah. Ujaran yang dihitamkan di bawah menunjukkan pengulangan pelajar.

(10)

Guru: Maksud fonem ialah bunyi huruf contoh di sini zaman dulu huruf *b* jadi *w*.  
Bulan disebut wulan.  
Pelajar: **wulan**  
Guru: Bahasa Melayu Kuno sebut telaga sebagai tлага, tetapi disebut tathapi  
Pelajar: **tlaga, tathapi**

---

(11)

Guru: Dalam bahasa Melayu kuno, gugusan konsonan yang dilafazkan adalah secara aspirasi atau hembusan. Misalnya, bah (*bh*), tah (*th*) keh (*kh*) dan deh (*dh*)  
**bah (bh), tah (th) keh (kh) dan deh (dh)**  
Pelajar: Seterusnya, huruf h dihilangkan dalam bahasa Melayu moden. Contohnya, tua disebut tuha, haur disebut aur dan gua disebut ghua.  
Guru: **tuha, haur, ghua**

---

(12)

Guru: Prof. Ismail Hussein, bahasa Melayu kuno ialah bahasa Melayu yang paling awal pernah ditemukan dalam bentuk tulisan. Bahasa Melayu kuno berasal dari bahasa purba  
Pelajar: **bahasa purba?**  
Guru: Ya, bahasa purba

---

## Kesimpulan

Berdasarkan kajian terhadap analisis wacana pelajar pintar dan berbakat ini, didapati pelajar pintar dan berbakat ini mempunyai keupayaan untuk menjawab persoalan yang ditanyakan oleh guru di dalam bilik darjah. Meskipun adakalanya terdapat jawapan yang diberikan tidak tepat, namun aspek keberanian pelajar pintar dan berbakat semasa berujar di dalam kelas dapat dikenalpasti. Kesimpulan yang dapat dibuat ialah pelajar pintar dan berbakat ini sentiasa bersedia memperolehi ilmu pengetahuan dan juga berani menyuarakan pendapat mereka di dalam kelas. Hal ini bertepatan dengan definisi pelajar pintar dan berbakat ini mempunyai kelebihan dalam berdebat, berdiskusi dan memainkan peranan (NCCA, 2018).

Keunikan pelajar pintar cerdas dan berbakat ini merupakan satu tanda aras kepada para pendidik supaya dapat bersedia dengan pelbagai ilmu pengetahuan yang baru dan dapat sama-sama menguji kemahiran berfikir para pelajar. Sebagai seorang guru, menurut Rahman, A. (2001) perlu mewujudkan suasana belajar yang lebih bermakna, serta dapat mewujudkan pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan memaksimumkan penggunaan deria pelajar.

## Rujukan

- Alias, A., & Yamat, H. (2009). Ciri Kanak-Kanak Pintar Cerdas. Dlm. Ishak, M. N et. al (pnyt). *PERMATApintar: Pengalaman UKM*, hlm. 33-44. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aman, I. & Mustafa, R. (2006). Classroom Discourse of Malay Language Lesson: A Critical Analysis. *e-Bangi, 1* (1), 1-24. <https://ukm.pure.elsevier.com/en/publications/classroom-discourse-a-critical-analysis-of-malay-language-lesson>
- Azizul Rahman bin Abdul Rahman. 2010. *Didik Hibur dan Aspresiasi Sastera melalui program Majalah dalam Kelas*. DTP Enterprise Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Athanassiou, N, McNett, J. M & Harvey, C. Critical Thinking in the Management Classroom: Bloom's Taxonomy as a Learning Tool. *Journal of Management Education*. 27 (5), 533-555. <http://journals.sagepub.com/doi/pdf/10.1177/1052562903252515>
- Badara A. & Hum M. (2012). *Analisis Wacana Teori, Metode dan Penerapannya pada Wacana Media*. Penerbit: Jakarta
- Cambridge Dictionary (2018). Retrieved from <https://dictionary.cambridge.org/>
- CCEA. Council for Curriculum, Examinations and Assessment. Rewarding Learning. (2018). Retrieved from <http://ccea.org.uk/>
- Chen. Y & He. A. W (2001). Dui Bu Dui as Pragmatic Marker: Evidence from Chinese Classroom Discourse. *Journal of Pragmatics*, 33, 1441-1465. <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S0378216600000849>
- Fairclough, N (1995). *Critical Discourse Analysis: The Critical Study of Language*. New York.  
[https://en.wikipedia.org/wiki/List\\_of\\_gifted\\_and\\_talented\\_programmes](https://en.wikipedia.org/wiki/List_of_gifted_and_talented_programmes)
- Ishak, M. N, Majid, A. R. & Ariffin, R. S. 2009. Sejarah dan Konsep PERMATApintar. Dlm. Ishak, M. N et. al (pnyt). *PERMATApintar: Pengalaman UKM*, hlm. 1-18. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mahmud, M. (2017). Communicative Styles of English Students at The State University of Makassar. *Gema Online Journal of Language Studies*, 17 (1), 223-238 <http://ejournal.ukm.my/gema/article/view/11302/5250>
- National Association for Gifted Children. (2018). Retrieved from <http://www.nagc.my/>

- NCCA. Gifted and Talented Pupils Guidelines for Teachers. (2018). Retrieved from [http://www.nicurriculum.org.uk/docs/inclusion\\_and\\_sen/gifted/gifted\\_and\\_talented.pdf](http://www.nicurriculum.org.uk/docs/inclusion_and_sen/gifted/gifted_and_talented.pdf)
- Newfoundland and Labrador Department of Education. Teaching Students Who are Gifted and Talented. A Handbook for Teachers. (2013). Retrieved from <http://www.ed.gov.nl.ca/edu/k12/studentsupportservices/publications/TeachingStudentsGiftedTalented.pdf>
- Norizan Abdul Razak, Rozainee Khairudin dan Ravichandran Vengadasamy. 2006. Isu-isu *Pendidikan Bahasa Sastera dan Psikolog di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahman, A. (2001). Pemugaran Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Malaysia Dlm. Rahman, A. *Didik Hibur dan Aspresiasi Sastera melalui Program Majalah Dalam Kelas*, hlm. 1-4. Kuala Lumpur: DTP Enterprise Sdn. Bhd.